



**DEKLARASI ASEAN TENTANG USAHA MENGGALAKKAN HAK UNTUK PEMBANGUNAN DAN HAK UNTUK KEAMANAN KE ARAH MEREALISASIKAN PEMBANGUNAN INKLUSIF DAN MAMPAN**

KAMI, Persatuan Negara Asia Tenggara (ASEAN), iaitu Brunei Darussalam, Kerajaan Kemboja, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Republik Kesatuan Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Kerajaan Thailand, Republik Demokratik Timor-Leste dan Republik Sosialis Vietnam, sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 yang diadakan pada 26 Oktober 2025 di Kuala Lumpur, Malaysia selaras dengan Piagam ASEAN;

**MENGALU-ALUKAN** kemajuan yang dicapai oleh ASEAN dalam usaha memajukan aspirasi *ASEAN 2025: Bersama Maju ke Hadapan*, selari dengan matlamat Agenda Pembangunan Mampam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2030;

**MENEGASKAN SEMULA** komitmen dalam *ASEAN 2045: Masa Depan Bersama* untuk memajukan ASEAN yang berdaya tahan, inovatif, dinamik dan berpusatkan rakyat serta masa depan yang mampan demi manfaat rakyat dan rantau ini;

**MENGAMBIL MAKLUM** penjajaran dan sinergi antara Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampam dan usaha pembinaan Komuniti ASEAN, terutamanya dalam meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat ASEAN;

**MENGULANGI** komitmen ASEAN sebagaimana yang tercermin dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN (AHRD) dan Pernyataan Phnom Penh tentang Penerimaan Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN, khususnya, Perkara 35, 36 dan 37 AHRD, yang menegaskan bahawa hak setiap orang dan rakyat ASEAN untuk menyertai pada, menyumbang dalam, menikmati dan mendapat manfaat secara saksama dan mampan daripada pembangunan ekonomi, sosial, budaya dan politik di rantau ini;

**MENGULANGI** Perkara 38 AHRD, yang menegaskan bahawa setiap orang dan rakyat ASEAN berhak menikmati keamanan dalam kerangka ASEAN yang berasaskan keselamatan dan kestabilan, berkecuali serta kebebasan, sebagai syarat penting untuk merealisasikan sepenuhnya hak asasi manusia yang termaktub dalam AHRD;



**MENGULANGI** Deklarasi ASEAN tentang Kelestarian Alam Sekitar (2012), Deklarasi Manila untuk Menentang Kebangkitan Radikalisasi dan Ekstremisme Ganas (2017), Deklarasi ASEAN tentang Budaya Pencegahan untuk Masyarakat yang Aman, Inklusif, Berdaya Tahan, Sihat dan Harmoni (2017), Pelan Tindakan Serantau ASEAN tentang Wanita, Keamanan dan Keselamatan (2022) dan Deklarasi ASEAN tentang Pembangunan dan Perkongsian Inklusif Orang Kurang Upaya untuk Komuniti ASEAN yang Berdaya Tahan (2023);

**MENGULANGI** Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Hak untuk Pembangunan (1986) serta tujuan dan prinsip ASEAN seperti yang termaktub dalam Piagam ASEAN, terutamanya keinginan bersama dan kehendak kolektif untuk hidup di rantau yang mempunyai pertumbuhan ekonomi yang mampan, kemakmuran bersama dan kemajuan sosial;

**MENGULANGI** Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Hak untuk Keamanan (2016), yang mengiktiraf hak untuk menikmati keamanan sebagai hak asasi manusia, menekankan kepentingan mencegah konflik bersenjata dan memupuk budaya keamanan melalui usaha penggalakkan hak asasi manusia, pembangunan dan kesaksamaan;

**MENEGASKAN SEMULA** Deklarasi ASEAN tentang Hak untuk Alam Sekitar yang Selamat, Bersih, Sihat dan Lestari (2025);

**MENYEDARI** bahawa kemerosotan alam sekitar, termasuk daripada perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mampan ialah antara ancaman yang paling mendesak dan serius terhadap keupayaan generasi kini dan akan datang untuk menikmati hak asasi manusia;

**MENYEDARI** selanjutnya kepentingan rangkuman digital untuk merapatkan jurang sosioekonomi dengan meluaskan akses digital yang saksama di seluruh rantau serta peranan belia;

**MENEGASKAN SEMULA** komitmen ASEAN untuk memastikan pembangunan mampan yang memberikan manfaat kepada generasi kini dan akan datang dan meningkatkan kesejahteraan dan mata pencarian rakyat ASEAN dengan menggalakkan akses yang saksama kepada peluang bagi pembangunan manusia, kebajikan sosial dan keadilan;

**MENGAMBIL MAKLUM** hubungan antara perniagaan, hak asasi manusia, alam sekitar dan perubahan iklim sambil menegaskan semula bahawa penggalakkan dan perlindungan hak asasi manusia, kemajuan pembangunan mampan serta memastikan keamanan dan keselamatan serantau bersifat saling bergantung dan



saling memperkuat dan usaha menangani cabaran alam sekitar dan perubahan iklim adalah penting demi memastikan kesejahteraan generasi kini dan akan datang;

**MENEGASKAN SEMULA** komitmen ASEAN untuk mengurangkan kemiskinan dan merapatkan jurang pembangunan dalam rantau ini melalui bantuan dan kerjasama rapat, pendekatan seluruh komuniti dan penyertaan inklusif serta menggalakkan pembangunan mampan demi memastikan perlindungan alam sekitar dan kemampanan sumber asli rantau ini;

**MENEGASKAN SEMULA** komitmen ASEAN untuk menggalakkan keterangkuman dan kemampanan sebagai strategi utama untuk merealisasikan sepenuhnya hak pembangunan seperti pembangunan sosial, ekonomi, politik, alam sekitar dan budaya serta untuk memelihara keamanan di rantau ini, realisasi tersebut perlu dipertimbangkan sambil menegakkan hak kedaulatan untuk meneruskan pembangunan negara selaras dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa yang berkaitan dan terpakai serta undang-undang dan dasar negara.

**MENEGASKAN SEMULA** komitmen ASEAN untuk mematuhi prinsip demokrasi, kedaulatan undang-undang dan tadbir urus yang baik serta menghormati dan melindungi hak asasi manusia dan kebebasan asasi;

**MENEGASKAN SEMULA** tujuan dan prinsip ASEAN seperti yang termaktub dalam Piagam ASEAN, terutamanya keinginan dan komitmen bersama untuk mengekalkan dan meningkatkan keamanan, keselamatan dan nilai berorientasikan keamanan di rantau ini;

**MENGAKUI** bahawa hak untuk pembangunan dan hak untuk menikmati keamanan ialah hak asasi manusia yang tidak boleh dicabut, dan ia harus dipenuhi dengan cara yang dapat menangani keperluan pembangunan dan alam sekitar generasi kini dan akan datang secara saksama, dan setiap orang boleh menikmati keamanan dan hasil pembangunan;

**MENEGASKAN SEMULA** kepentingan untuk memajukan perkongsian dalam usaha menggalakkan keterangkuman dan kemampanan dalam semua dimensi di rantau ini;

**DENGAN INI MENGISYTIHARKAN PERKARA BERIKUT:**

1. Memajukan hak untuk pembangunan, hak untuk menikmati keamanan dan pembangunan inklusif dan mampan di rantau ini melalui pendekatan yang dipimpin oleh ASEAN, dimiliki oleh ASEAN dan melibatkan seluruh ASEAN,



selaras dengan Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN dan Pernyataan Phnom Penh tentang Penerimaan Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN.

2. Bahawa hak untuk pembangunan dan hak untuk menikmati keamanan seperti yang diiktiraf dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN dan Pernyataan Phnom Penh tentang Penerimaan Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN adalah bersifat saling melengkapi dan saling berkaitan, sebagai pembangunan inklusif dan mampan, yang berasaskan prinsip kesaksamaan, tanpa diskriminasi dan penyertaan yang bermakna, memupuk kestabilan dan kesejahteraan, yang penting untuk keamanan yang kukuh dan berkekalan.
3. Bahawa setiap insan dan rakyat ASEAN ialah subjek utama pembangunan dan seharusnya menjadi ejen aktif serta penerima manfaat daripada proses pembangunan.
4. Memperkukuh dasar dan rangka kerja perundangan negara dan serantau yang menggalakkan hak untuk pembangunan, hak untuk menikmati keamanan dan pembangunan inklusif dan mampan untuk semua rakyat ASEAN bagi memajukan penyertaan dan sumbangan mereka yang aktif, bebas dan bermakna dalam proses pembangunan dan pengagihan faedah yang terhasil secara saksama untuk semua.
5. Melaksanakan langkah dan inisiatif proaktif untuk menghapuskan halangan kepada pembangunan inklusif dan mampan mengikut konteks dan peraturan negara masing-masing, termasuk penghapusan halangan kepada akses saksama kepada perkhidmatan asas seperti pendidikan, penjagaan kesihatan, makanan, perumahan, pengangkutan, komunikasi, utiliti, teknologi digital, penguatkuasaan undang-undang, pekerjaan dan pengagihan pendapatan yang adil dan usaha untuk menghapuskan semua bentuk diskriminasi dan menangani ketaksamaan.
6. Memperkukuh langkah negara dan serantau bagi memastikan penyertaan dan sumbangan aktif dan bermakna semua rakyat ASEAN dalam proses pembangunan tanpa membiarkan sesiapa pun tertinggal, termasuk mereka yang berada dalam situasi rentan dan memperkasakan mereka untuk menyertai dan menyumbang secara saksama dan berkesan demi merealisasikan potensi penuh mereka.
7. Mengiktiraf sifat saling melengkapi antara *ASEAN 2045: Masa Depan Bersama* dan Agenda Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2030 dengan usaha pembinaan Komuniti ASEAN ke arah mencapai pembangunan yang saksama dan mampan, pertumbuhan inklusif, peluang



*Diterima pakai*

ekonomi yang lebih besar yang menyokong pembasmian kemiskinan, akses saksama kepada pendidikan berkualiti, literasi dan kemahiran digital, tenaga kerja yang bersedia untuk masa depan dan kerjasama yang dipertingkatkan untuk merapatkan jurang pembangunan, sambil memastikan perlindungan alam sekitar dan kemampunan sumber asli rantau ini dan menghormati prinsip hak asasi manusia termasuk kesaksamaan dan tanpa diskriminasi.

8. Menggalakkan penglibatan yang lebih besar dan sumbangan bermakna sektor swasta dalam memajukan pertumbuhan inklusif dan pembangunan mampan melalui pengendalian perniagaan yang bertanggungjawab, tadbir urus korporat yang baik dan mengurangkan potensi kesan buruk operasi perniagaan mereka.
9. Mengekalkan dan menggalakkan keamanan serantau, kestabilan dan kemakmuran bersama dengan memupuk budaya dialog, kerjasama dan pencegahan, termasuk melalui kerjasama dengan institusi serantau dan global terkemuka untuk memperkukuh aktiviti advokasi dan penyelidikan ASEAN tentang keamanan, perdamaian, akauntabiliti dan dengan memupuk budaya pencegahan, pengurusan dan penyelesaian konflik, selaras dengan keperluan undang-undang negara, rangka kerja serantau dan komitmen antarabangsa, jika berkenaan.
10. Menugaskan Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN tentang Hak Asasi Manusia (AICHR) dan organ serta badan ASEAN yang berkaitan untuk menyusuli pelaksanaan Deklarasi ini selaras dengan *ASEAN 2045: Masa Depan Bersama* dengan sokongan berterusan yang terjamin serta sumber yang mencukupi bagi tujuan tersebut.

*Diterima pakai pada hari kedua puluh enam bulan Oktober tahun dua ribu dua puluh lima, dalam satu salinan asal dalam bahasa Inggeris.*

Diakui sebagai Terjemahan yang Sah daripada  
Dokumen yang dibekalkan oleh Pelanggan



Institut Terjemahan & Buku Malaysia

Institut Terjemahan & Buku Malaysia  
Wisma ITBM, No. 2, Jalan 2/27E,  
Seksyen 10, Wangsa Maju  
53300 Kuala Lumpur  
MALAYSIA  
www.itbm.com.my  
(276206D)  
5

Disahkan bagi pihak ITBM  
Naim Hamdi Abdul Halim  
Eksekutif Kanan

Tandatangan : .....  
No. Rujukan : CS-072543  
Tarikh : 09 APR 2026